

Pada Ahad, 29 September 2024 telah diadakan Kursus Pemeriksaan Tempat Kerja (PTK) di Makmal PTM 1, Blok B1, UTHM. Kursus ini telah dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) serta penceramah undangan Puan 'Aisyah Najwa Abd Rahman, Pegawai Sains dari Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE), UTHM.

Kursus ini dimulakan dengan pengenalan berkenaan JKKP dan struktur penubuhan organisasi JKKP yang perlu ada di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Peserta juga diberikan latihan berkaitan kaedah atau tatacara pelaksanaan Pemeriksaan Tempat Kerja (PTK) serta penerangan untuk mengisi borang senarai semak pemeriksaan OSHE di tempat kerja dengan lebih mendalam.

Melalui kursus yang telah diadakan ini, diharap peserta dapat memperoleh pengetahuan yang diperlukan bagi membantu peserta dalam menjalankan tugas di tempat masing-masing.

